



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

EBS 211/3 – Geokimia Carigali

Masa: [3 jam]

Arahan Kepada Calon:-

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan.

Jawab **SOALAN NO. 1** dan mana-mana **EMPAT (4)** soalan lain.

Mulakan jawapan anda bagi setiap soalan pada muka surat yang baru.

Semua soalan mesti di jawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

Soalan No. 1 WAJIB dijawab.

1. Beri takrif serakan.
Bincangkan kejadian pola serakan yang boleh terdapat dalam persekitaran primer dan persekitaran sekunder.
Ilustrasikan jawapan anda dengan gambarajah.

(40 markah)

2. Tinjauan orientasi, tinjauan awal dan tinjauan terperinci mempunyai matlamat yang berlainan antara satu sama lain. Bincangkan.

(15 markah)

3. Jika anda ditugaskan menjalankan sebuah program carigali lempung di Perak bagi sebuah syarikat tempat anda bekerja, bincangkan langkah-langkah yang akan anda lakukan untuk menjayakan program tersebut.

Perhatian : langkah-langkah tersebut perlu logik dan mempunyai urutan yang rasional. Carta alir boleh digunakan untuk menunjukkan langkah-langkah tersebut.

(15 markah)

4. Tulis nota ringkas mengenai perkara-perkara berikut:-

 - [a] unsur perisik
 - [b] unsur penunjuk
 - [c] anomali
 - [d] anomali bocor
 - [e] kontras
 - [f] nilai ambang
 - [g] nilai latar
 - [h] Eh-pH

(15 markah)

5. Bincangkan bagaimana pensampelan batuan dan pensampelan sedimen sungai dibuat. Apakah kekuatan dan kelemahan yang terdapat pada kaedah pensampelan batuan ini jika dibandingkan dengan pensampelan sedimen sungai.
(15 markah)

6. Ilustrasikan tiga keadaan lapangan yang menuntut kaedah carigali geokimia digunakan.
(15 markah)

7. Bincangkan kepentingan luluhawa dalam geokimia carigali. Ilustrasikan dengan rajah di mana perlu.
(15 markah)

ooOoo